



Integrasi dan Islamisasi

Asas Tamadun

Sidek Baba

Profesor Pendidikan di-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Isu pokok dalam proses integrasi dan Islamisasi memberikan fokus terhadap penyertaan etika dan nilai murni dalam ilmu dan pengajaran. Kedua-duanya menjadi asas kepada Islamisasi pendidikan, dan menghasilkan sumber daya atau modal insan yang berkualiti. Hal ini bukan sahaja mempunyai ilmu integratif yang memberikan tumpuan terhadap pembangunan akal dan fikir, tetapi juga pembangunan keterampilan dan hati budi yang bersifat menyantuni.





Nama Yathrib digunakan oleh kaum Ansar dan masyarakat setempat sebelum hijrah Rasulullah SAW. Terdapat pelbagai bangsa dan agama di situ. Pada zaman Rasulullah SAW, nama Yathrib ditukar menjadi Madinah. Madinah ada kaitannya dengan perkataan *al-din*, iaitu sistem kepercayaan dan cara hidup. Masyarakat pada zaman itu disebut sebagai masyarakat madani. Madinah yang dihubungkan dengan konsep *muduniyyah* terkait dengan tamadun. Sahifah Madinah menjadi pelengkap kepada wujudnya suatu tamadun yang didukung oleh penganut berbilang agama. Wujud titik persefahaman dalam kalangan mereka, dan terdapat perbezaan yang disantuni supaya proses kekenalan (*li ta'arafu*) terjadi.

Tamadun Andalusia yang bertahan selama 800 tahun terbina atas asas wujudnya sinergi antara ulama dengan umara, dan al-Quran dan sunah dijadikan landasan. Roh Sahifah Madinah menjadi latar lahirnya tamadun Andalusia dalam usaha mendepani suasana kepelbagaian dan menyebabkan rasa kekenalan terjadi. Iklim kelompok di Madinah yang sifatnya pelbagai, banyak terdapat di dunia Islam dan Barat pada hari ini. Malaysia dan Indonesia umpamanya, sedang mencari satu pendekatan supaya Islam dan etika Quraninya dapat berkembang dalam masyarakat yang berbilang.

Integrasi dan Islamisasi ilmu terjadi dengan dukungan ilmu naqliah dan akliah yang diserasikan untuk melahirkan tradisi *tadabbur* yang cukup bermakna. Hal ini melahirkan pola kecendekiawanan sehingga penemuan sains dan teknologi berkembang. Pola ini memberikan wajah kepada tamadun yang menyebabkan ilmuwan Barat terpenggil untuk menterjemahkan hasil kajian saintifik pada zaman itu ke dalam bahasa Barat Latin, Ibrani dan Hebrew.

Dalam kalangan masyarakat Islam, terdapat kelompok tradisional dalam bidang keilmuan dan merujuk kitab *turath* sebagai sandaran. Konsep tradisional merujuk aliran kecenderungan. Asas fundamental dalam kitab sumbernya masih lagi al-Quran dan sunah. Konsep tradisi merupakan sesuatu yang positif kerana mempunyai warisan yang baik dan sifatnya bersambung dan berkesinambungan. Hal ini menempuh faktor waktu dan ruang yang sifatnya dinamik berubah.

Konsep tradisi ada beza dengan konsep tradisional. Berjiwa muafakat ialah tradisi yang baik dan sesuai untuk sepanjang zaman. Menghormati dan mengasihi ibu bapa merupakan tradisi yang baik sebagai asas pembentukan keluarga yang beradab. Menghormati jiran tetangga merupakan amalan yang baik dalam masyarakat. Bersikap tradisional dan mengamalkan perkara lama tertakluk kepada faktor masa dan zaman. Perkara yang bersifat tradisional tidak semestinya mengamalkan perkara yang usang dan ketinggalan zaman. Upaya kreatif yang selari dengan fitrah zaman dan tidak bercanggah dengan akidah dan syariah menjadi suatu tuntutan.

Faktor masa dan zaman amat relevan kepada umat Islam ketika menghadapi perubahan. Hal yang lalu tidak semestinya lesu, dan hal yang terkini tidak semestinya melambangkan maju. Maju dan mundur banyak ditentukan oleh pemikiran, sikap dan akhlak manusia. Sekiranya manusia kekal dalam fitrah, mengamalkan ilmu yang benar dan bermanfaat, dan mendukung akhlak yang mulia, maka mereka akan maju dan beradab. Inilah asas tamadun yang perlu dibina. Tamadun tidak terbina atas asas benda, sains dan teknologi semata-mata, tetapi semua itu adalah untuk kesejahteraan manusia jika dibangunkan secara manusiawi dengan etika yang tinggi dan nilai yang murni.

Ilmu yang terkandung etika dan nilai murni bukan sahaja mampu memberikan manusia pengetahuan dalam hidup, tetapi membangunkan akal dan budi sebagai syarat penting membina masyarakat beradab. Masyarakat beradab memiliki disiplin fikir yang tangkas, disiplin hati yang tuntas, dan disiplin amal yang jelas. Hal ini mencetuskan perubahan yang bersifat fitrah selari dengan sifat keihisan dan keinsanan yang diperlukan sepanjang zaman. Hal ini akhirnya menjelmakan suatu tamadun kerana membangunkan sesuatu sistem atau negara yang tidak hanya bergantung pada upaya pemikiran saintifik dan teknologi semata-mata, tetapi disertakan etika nilai guna yang mampu menawarkan kesejahteraan kepada manusia.

Oleh itu, integrasi ilmu dan Islamisasi pendidikan sangat penting supaya modal insan yang dibangunkan bersifat holistik. Hal ini dikatakan demikian kerana faktor naqliah daripada sumber wahyu menjadi petunjuk dan memberikan pedoman



kepada faktor akhlah atau pemikiran supaya terbina tasawur atau pandangan semesta yang selari dengan syariah. Membangunkan tamadun yang bersifat menyeluruh bukan sahaja dalam prasarana, pembangunan, ekonomi, sains dan teknologi, tetapi juga kualiti manusiawi yang mampu mendepani zaman dan cabaran lingkungan. Landasan ini perlu dibangunkan supaya perubahan dan kemajuan memberikan makna sebenarnya kepada manusia.

Ada orang yang memahami makna sebenarnya dalam hidup ialah kekayaan kebendaan yang melimpah ruah, pangkat dan kedudukan yang menyuburkan lagi ego dan kesombongan, kemewahan hidup dengan mementingkan diri sendiri dan tidak mempedulikan orang lain, berlagak individualistik dan rasa tidak peduli kelompok yang tidak bernasib baik kerana bagi mereka inilah makna yang harus dikecap dalam hidup. Sedangkan semua yang dialami itu merupakan nikmat daripada Allah SWT yang menjadikan kita bersyukur dengan-Nya, berlaku adil terhadap yang lain, ada rasa peduli terhadap fakir miskin dan kalangan yang tidak berada, supaya limpahan rahmat dan nikmat Allah dapat dirasai bersama.

Inilah asas bagi kehidupan bertamadun. Sikap prihatin terhadap orang lain, bertimbang rasa terhadap mereka yang memerlukan pertolongan, dan memiliki sifat ihsan terhadap sesama manusia apalagi yang seagama dan seakidah. Semua itu boleh berlaku sekiranya integrasi ilmu dan Islamisasi pendidikan terjadi. Orientasi kesepaduan ini boleh merintis keinsafan bahawa faktor duniawi semata-mata tidak menjadikan makna kehidupan ditemui, tetapi pedoman ukhrawi yang menyebabkan manusia sedar bahawa kekayaan duniawi hanya sementara, dan keberkatan ukhrawi kekal.

Oleh itu, dikotomi, dualisme atau keterpisahan dalam ilmu tidak meraikan pembentukan sahsiah yang fitrah. Hal ini berlaku secara sepihak, sedangkan tuntutan kehidupan sebenarnya berpaksi pada faktor dalaman dan luaran diri insan, iaitu faktor zahir dan batin sahsiah sebagai tabii yang menuntut pengisian. Faktor amanah, jujur, ikhlas, adil dan lain-lain merupakan faktor dalaman diri yang memerlukan proses *taadib* (pemupukan dan pendidikan) terjadi. Faktor emosi dan psikik yang bersifat kejiwaan, marah, kecewa, ego, sombong dan bahagia terpancar



dari dalam diri yang memerlukan pencerahan dan penyegaran ilmu, yang datangnya bukan sahaja daripada sumber pemikiran ataupun akal, tetapi yang utama ialah sumber wahyu atau naqliah.

Sumber naqliah ini yang tidak diterima oleh sebahagian besar manusia kerana mereka beranggapan bahawa dengan akal semata-mata masalah kehidupan boleh diselesaikan atau dengan sains dan teknologi semata-mata semua cabaran dalam kehidupan boleh diselesaikan. Sedangkan hal yang berkaitan dengan faktor dalaman diri manusia harus dipandu dan dibimbing oleh faktor naqliah supaya wujud petunjuk dan pedoman.

Petunjuk dan pedoman daripada Pencipta ini amat penting dijadikan asas dan landasan yang sifatnya berkembang supaya dihayati dan diamalkan. Terdapat masyarakat dan negara yang dikatakan maju mengamalkan etika duniawi dan nilai baik dalam kehidupan, tetapi kekuatan dalaman yang kontang menyebabkan nilai kemanusiaan sebenar tidak ada. Maju dengan kekuasaan ekonomi, ketenteraan, sains dan teknologi yang canggih melakukan kezaliman dan penderaan terhadap kelompok yang lemah semahu-mahunya tanpa pertimbangan undang-undang dan keadilan menyebabkan kesengsaraan yang luar biasa terjadi.

Peristiwa yang berlaku di Palestin, Syria, Yemen, Rohingya dan Uighur dalam kalangan umat Islam adalah sesuatu yang memeritkan. Tidak ada bahasa ihsan dan kemanusiaan terhadap mereka. Manusia sedang berlagak seperti haiwan sehingga hak asasi manusia dinafikan, menjadi pelarian ke tempat yang lebih selamat, dan merempat ke sana sini mencari kehidupan. Virus Covid-19 yang sedang menyerang China kini tidak pernah berlaku sebelumnya dan merebak dengan cepat. Dari kaca mata orang beriman, hal ini merupakan musibah yang sedang menimpa manusia akibat perlakuan zalim tanpa dunia atau Bangsa-Bangsa Bersatu melihatnya dengan pertimbangan keadilan di Mahkamah Keadilan di Geneva supaya perkara ini dihentikan, dan memberikan keadilan kepada orang yang berhak supaya keamanan dan keadilan di dunia terjadi.

Dualisme yang terjadi akibat tidak berlakunya integrasi menyebabkan pandangan semesta (tasawur) tidak bersifat menyeluruh dan mencakupi. Hal ini menyebabkan berlakunya pertentangan,

konflik dan krisis akibat pandangan semesta yang tidak bersifat holistik. Pendekatan rohaniah yang bersifat tidak berkembang dan menjadikan pendekatan empiris sebagai tunjangan sehingga meminggirkan kepentingan etika dan nilai murni telah menyebabkan kekuatan akhlak tidak terbangun dan cerminan sahsiah murni tidak kelihatan.

Hal ini menghakis kualiti insan yang bersifat manusiawi sebagai asas pembinaan tamadun. Kemodenan tidak membawa makna apa-apa sekiranya perubahan atau kemajuan menjadikan manusia lebih rakus, zalim, melakukan penindasan, tidak memiliki jiwa toleransi dan bersifat haiwani dalam tindakan dan amalan, dan menyebabkan makna kemodenan dan kemajuan tercemar.

Dari kaca mata Islam, integrasi ilmu dan Islamisasi pendidikan merupakan jawapan terhadap kemelut yang terjadi. Wujud tradisi rohaniah yang tinggi dalam kalangan warga umat yang perlu dimanifestasikan dalam bentuk amal yang sempurna dengan tidak menolak faktor sains dan teknologi melalui etika Qurani, dan memanfaatkan ilmu berbanding yang bermanfaat dalam tradisi dan tamadun orang lain. Oleh itu, berlaku proses menitipkan etika dan nilai Islam dalam tubuh ilmu untuk menjadikannya bertatuhkan nilai (*value-laden*), bukannya bebas nilai (*value-free*).

Bentuk cabaran keilmuan dan pendidikan manusia masa ini dan masa depan bukan sekadar memiliki ilmu dan mengkhusus dalam bidang kepakaran tertentu, tetapi revolusi 4.0 yang digerakkan oleh teknologi komunikasi dan telekomunikasi bertaraf tinggi juga memerlukan etika dan nilai murni supaya kecenderungan salah guna yang boleh memusnahkan manusia dan kehidupan tidak berlaku.

Hal ini banyak ditentukan oleh corak ilmu dan pendidikan yang memberikan orientasi terhadap pembinaan diri insan. Sekiranya corak ilmu dan pendidikan itu sekular tanpa etika dan nilai, pemikiran yang bakal lahir juga sifatnya duniawi tanpa manusiawi. Sebaliknya orientasi keilmuan dan pendidikan yang disertai dengan etika dan nilai murni menjadikan insan memiliki pedoman dan tatacara amalan yang terkandung sifat yang manusiawi. Dalam tradisi Islam, etika dan nilai Qurani menjadi jawapan terhadap kemelut yang berbangkit dan menuntut integrasi. DTI